

**ENAKMEN WAKAF (NEGERI SELANGOR) 1999**

7/1999

BETA PERKENANKAN,  
 TENGGU IDRIS SHAH IBNI SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,  
 Pemangku Raja Selangor

29 Disember 1999

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

<b>Bahagian</b>	BAHAGIAN I PERMULAAN
<b>Bab</b>	
<b>Seksyen *</b>	2 - Tafsiran.
	<p>(1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-</p> <p><i>En. 2/89.</i> "Enakmen Pentadbiran" ertinya Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989;</p> <p><i>En. 3/52.</i> "Baitulmal" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 94 (1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952;</p> <p>"harta" termasuklah harta alih atau harta tak alih dan apa-apa faedah dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih, apa-apa hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau selainnya yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;</p> <p>"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;</p> <p>"istibdal" ertinya menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut Hukum Syarak;</p> <p>"Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak" ertinya</p>

Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 34(1) Enakmen Pentadbiran;

"Kumpulan Wang Wakaf" ertinya kumpulan wang yang terdiri daripada semua wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa hasil yang diperolehi daripada mawquf atau melalui istibdal;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 37 Enakmen Pentadbiran;

"Majlis" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran;

"marad al-maut" ertinya penyakit membawa maut yang memenuhi syarat-syarat yang berikut-

- (a) penyakit itu mestilah menyebabkan kematian simati;
- (b) penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda simati; dan
- (c) mestilah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius;

"mawquf" ertinya harta wakaf;

"mawquf-alaih" ertinya orang yang berhak menerima apa-apa manfaat atau faedah daripada mawquf itu;

"orang" termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

"rasyid" ertinya seseorang yang tidak dungu, tidak nyanyuk, dan tidak diisytiharkan bankrup di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

"saham wakaf" ertinya pewujudan suatu wakaf melalui saham-saham yang ditawarkan dan kemudiannya diwakafkan oleh pembeli kepada Majlis;

"sighah" ertinya pernyataan wakaf yang dibuat sama ada secara lisan, tulisan bersama lafaz atau isyarat;

"wakaf" ertinya menyerahkan apa-apa harta yang

boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949;

"wakaf am" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;

"wakaf khas" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak;

"waqif" ertinya orang yang mewujudkan wakaf.

*Akta 388*

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967, hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersempentangan dengannya dalam Jadual itu.

## BAHAGIAN II PEWUJUDAN WAKAF

### Bab

### Seksyen

3 - Pewujudan wakaf.

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya kemudian daripada ini, seseorang yang telah mencapai umur lapan belas tahun, sempurna akal dan rasyid boleh mewakafkan hartanya untuk apa-apa tujuan khairat menurut Hukum Syarak.

(2) Sesuatu wakaf boleh diwujudkan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas.

(3) Wakaf hendaklah diwujudkan melalui sighth di hadapan dua orang saksi menurut Hukum Syarak.

**Bab**

**Seksyen** 4 - Mula berkuat kuasa wakaf.

(1) Sesuatu wakaf hendaklah mula berkuat kuasa apabila kesemua rukun dan syarat wakaf itu disempurnakan melainkan diperuntukkan secara nyata bahawa ia akan mula berkuat kuasa selepas kematian waqif.

(2) Sesuatu wakaf yang telah berkuat kuasa, tidak boleh dijual atau dihibah oleh waqif atau diwarisi oleh mana-mana orang.

**Bab**

**Seksyen** 5 - Waqif berhak menentukan syarat-syarat mawquf-alaih.

Jika suatu wakaf menetapkan apa-apa syarat tertentu sebelum seseorang mawquf-alaih berhak kepada manfaat atau faedah sesuatu mawquf, penentuan pematuhan syarat itu hendaklah dibuat oleh-

- (a) waqif; atau
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dengan persetujuan waqif

6 - Pendaftaran wakaf.

Tertakluk kepada seksyen 4, setiap wakaf hendaklah secepat mungkin yang boleh didaftarkan dalam apa-apa bentuk atau cara yang telah ditetapkan oleh Majlis.

---

7 - Wakaf oleh seseorang yang dalam keadaan marad al-maut.

Seseorang yang dalam keadaan marad al-maut tidak boleh mewakafkan lebih daripada satu pertiga hartanya kepada mana-mana orang selain daripada warisnya.

10 - Sekatan ke atas wakaf khas.

Sesuatu wakaf khas yang dibuat selepas mula berkuat kuasanya Enakmen ini hendaklah batal dan tidak sah melainkan jika-

- (a) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, dengan nyata memperkenan dan mengesahkannya; atau
- (b) ia telah dibuat semasa waqif dalam keadaan marad al-maut dan kemudiannya meninggal dunia akibat sakit itu dan dengan syarat ia telah dibuat melalui sighth di hadapan dua orang saksi.

11 - Ketiadaan mawquf-alaih.

(1) Jika, dalam suatu wakaf-

- (a) waqif tidak menamakan mawquf-alaih;
- (b) mawquf-alaih telah mati; atau

- (c) mawquf-alaih tidak dapat dikesan dalam tempoh empat tahun selepas berkuat kuasanya wakaf,

wakaf itu hendaklah menjadi wakaf am melalui pemberitahuan oleh Majlis dalam Warta.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), mana-mana mawquf-alaih yang wakafnya telah diwartakan oleh Majlis sebagai wakaf am di bawah subseksyen (1)(c) boleh memohon satu perintah Mahkamah untuk menjadikan wakaf tersebut sebagai wakaf khas semula.

(3) Mawquf-alaih tidak berhak ke atas apa-apa manfaat atau faedah mawquf itu sebelum satu perintah di bawah subseksyen (2) dibuat.

### 13 - Wakaf tak sah.

Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika-

- (a) dalam hal wakaf taklik, sebelum syarat taklik yang dikehendaki itu dipenuhi semasa hayatnya, waqif mati;
- (b) ia dibuat bagi apa-apa tujuan maksiat;
- (c) ia dibuat kepada mana-mana orang bagi tujuan yang bukan untuk menghampirkan diri kepada Allah;
- (d) ia dibuat untuk manfaat atau faedah diri sendiri; atau
- (e) ia bertentangan dengan Hukum Syarak atau mana-mana undang-undang bertulis.

### 15 - Syarat-syarat mawquf.

(1) Mawquf hendaklah suatu harta yang-

- (a) dimiliki oleh waqif;
- (b) tidak terhalang; dan
- (c) boleh memberi manfaat atau faedah.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu wakaf adalah sah walaupun pada masa wakaf itu diwujudkan--

- (a) mawquf tidak memberi apa-apa manfaat atau faedah; atau
- (b) mawquf masih dalam sewaan.

(3) Manfaat atau faedah mawquf hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf.

### 19 - Kuasa Majlis untuk istibdāl.

Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa mawquf dalam keadaan berikut-

- (a) mawquf telah diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;

- (b) kegunaan mawquf tidak lagi mendatangkan manfaat atau faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif; atau
- (c) kegunaan mawquf tidak menepati tujuan wakaf.

#### 21 - Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang akan mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubungan dengan wakaf di Negeri Selangor.

#### 24 - Kuasa Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

Jawatankuasa Pengurusan Wakaf hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut-

- (a) untuk menjalankan apa-apa arahan, dasar, ketetapan dan keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubungan dengan apa-apa mawquf;
- (b) untuk mengawalselia, mengatur, mengurus dan mentadbir mawquf;
- (c) untuk membangun, memaju dan meningkatkan mawquf;
- (d) untuk mentadbir Kumpulan Wang Wakaf; dan
- (e) untuk menjalankan apa-apa kuasa lain atau fungsi yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

#### 26 - Perbelanjaan.

Apa-apa perbelanjaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar dari akaun Kumpulan Wang Wakaf atau Baitulmal jika mendapat persetujuan Majlis

#### 32 - Majlis sebagai pemegang amanah tunggal.

Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor

#### 33 - Kuasa Majlis dalam pembelian harta.

(1) Majlis boleh membeli apa-apa harta bagi tujuan wakaf dengan menggunakan wang daripada-

- (a) Kumpulan Wang Wakaf; atau
- (b) Baitulmal.

(2) Apa-apa harta yang dibeli di bawah subseksyen (1) (b) hendaklah dianggap menjadi suatu wakaf.

#### 37 - Hak Majlis ke atas manfaat atau faedah mawquf daripada wakaf khas.

Majlis berhak menggunakan apa-apa manfaat atau faedah daripada suatu wakaf khas untuk membayar semua kos yang perlu dan bersampingan dengannya bagi pentadbiran wakaf itu.

#### 40 - Kuasa Majlis membuat tuntutan sewaan atau nilai atas apa-apa manfaat atau faedah.

(1) Majlis boleh menuntut daripada mana-mana orang sewa atau nilai atas apa-apa manfaat atau faedah yang diperolehi oleh orang itu daripada sesuatu mawquf yang orang itu tidak berhak ke atasnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Majlis boleh menentukan nilai manfaat atau faedah bagi mawquf tersebut.

(3) Jika tuntutan yang tersebut di bawah subseksyen (1) tidak dijelaskan, ia hendaklah dianggap sebagai hutang yang boleh dituntut oleh Majlis.

#### 39 - Kumpulan Wang Wakaf.

(1) Majlis boleh menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa manfaat dan faedah yang diperolehi daripada mawquf atau melalui istibdal.

#### 42 - Keesahan perbuatan dan prosiding.

Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa--

- (a) wujud apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf; atau
- (b) wujud apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

#### 43 - Ketentuan mawquf.

Mana-mana pihak boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk menentukan sama ada sesuatu harta itu telah menjadi mawquf.

#### 45 - Menceroboh ke atas tanah wakaf.

Mana-mana orang yang tanpa kebenaran (1) Majlis-

- (a) menduduki, atau membina apa-apa binaan atau struktur di atas mana-mana tanah wakaf;
- (b) membersihkan, membajak, menggali, mengepong atau menanam tanaman di atas mana-mana tanah wakaf atau sebahagiannya; atau

(c) memotong, mengambil atau mengeluarkan apa-apa hasil atas atau daripada tanah wakaf itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal kesalahan berterusan, didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

(2) Seseorang yang membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau halangan di atas tanah wakaf hendaklah, jika diarahkan oleh majlis, meroboh, memusnah dan membersihkan segala binaan dan halangan di atas tanah wakaf itu dengan perbelanjaan sendiri.

(3) Jika orang yang tersebut di bawah subseksyen (2) enggan mematuhi arahan di bawah subseksyen yang dinyatakan itu, Majlis boleh menyebabkan diroboh, dimusnah atau dibersihkan segala binaan dan halangan di atas tanah wakaf itu dan boleh menuntut kos daripada orang tersebut.

#### 44 - Pengertian suratcara.

Jika, pada pendapat Majlis, makna atau kesan mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf adalah samar-samar atau-tidak jelas, Majlis bolehlah merujuk perkara itu kepada Mahkamah bagi mendapatkan keputusannya mengenai makna dan kesan tersebut dan hendaklah bertindak menurut apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah.

#### 49 - Fatwa dikehendaki untuk pembangunan harta wakaf.

Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak untuk keputusannya berhubung dengan pembangunan mana-mana mawqaf sekiranya ia melibatkan persoalan Hukum Syarak yang belum terputus atau yang menimbulkan pertikaian.

#### 50 - Pemberhentian pemakaian Bahagian IV Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952.

Seksyen 94 hingga 100 (Bahagian IV) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 yang berhubung dengan wakaf hendaklah dengan ini terhenti terpakai bagi Negeri Selangor pada permulaan kuatkuasa Enakmen ini.

Diluluskan pada 23 Disember 1999.  
[PWN.Sel. (S) 308/3; DUN. Sel. 30287/1 Jld. 3.]

ASMAWAR BIN SAMAT,  
Setiausaha,  
Dewan Undangan Negeri,  
Selangor